

GARIS PANDUAN BAGI TUJUAN AKTIVITI PENGGAMBARAN FILEM/DRAMA/KOMERSIL DI PANGKALAN TLDM

1. Surat permohonan bagi tujuan penggambaran hendaklah dimajukan kepada perkhidmatan TLDM sekurang-kurangnya 2 minggu (14 hari) sebelum tarikh penggambaran. Kelulusan adalah dalam tempoh 7 hari selepas surat permohonan diterima. Permohonan secara lisan tidak boleh digunapakai.

2. Permohonan hendaklah dimajukan kepada:

Pegawai Staf 1 Komunikasi Strategik
Cawangan Komunikasi Strategik
Markas Tentera Laut
Wisma Pertahanan
50634 KUALA LUMPUR
Tel : (6)03-20713224 Faks: (6)03-26924468
Email: pr_mktl@navy.mil.my

3. Skrip dan jalan cerita hendaklah mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh agensi atau badan kerajaan seperti FINAS, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (MOTAC), Lembaga Penapisan Filem Malaysia (LPFM) dan lain-lain agensi atau badan kerajaan yang berkenaan.

4. Permohonan mestilah lengkap sebelum diproses. Permohonan mestilah meliputi maklumat berikut: (Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses).

a. Tarikh.

b. Masa.

c. Lokasi Untuk Penggambaran.

d. Syarikat produksi dan pegawai yang bertanggungjawab (nama dan nombor telefon untuk dihubungi).

e. Sinopsis.

5. Pihak produksi bertanggungjawab menjaga imej positif TLDM dan tidak menimbulkan sebarang kontroversi berkaitan penggambaran, adegan, lakonan dan tidak mempunyai unsur-unsur negatif yang boleh menjejaskan imej perkhidmatan TLDM khususnya dan ATMnya.

6. Penggambaran hanya dibenarkan di lokasi yang telah diluluskan oleh TLDM dan hendaklah dijalankan dalam masa yang telah ditetapkan.

7. Krew dan artis yang terlibat hendaklah berpakaian secara sopan pada setiap masa mengikut tatacara pemakaian di masjid dan elakkan daripada memakai pakaian yang terdedah atau menjolok mata. Pengenalan diri/pas syarikat hendaklah senantiasanya dipamerkan semasa di lokasi.

8. Pihak TLDM hendaklah dimaklumkan terhadap sebarang pindaan tarikh, masa, tempat atau pembatalan aktiviti penggambaran.
9. Penggambaran hanya boleh dijalankan pada hari dan waktu bekerja sahaja (Sabtu dan Ahad bergantung kepada pertimbangan).
10. Pihak TLDM tidak akan bertanggungjawab di atas apa-apa kecederaan, kehilangan nyawa, kerosakan peralatan atau kos tambahan yang ditanggung semasa membuat penggambaran yang disebabkan oleh kecuaiian pihak produksi atau mana-mana pihak ketiga.
11. TLDM berhak membuat tuntutan ganti rugi terhadap sebarang kerosakan yang berlaku sepanjang penggunaan tempat bagi tujuan penggambaran.
12. TLDM berhak untuk meminda syarat dan garis panduan penggambaran dari semasa ke semasa.
13. Lokasi hendaklah dibersihkan setelah tamat aktiviti penggambaran dan tidak meninggalkan sebarang kekotoran atau sampah.